

**SOALAN LATIH TUBI BERFOKUS (SOLAF 2)
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

3757/1

EKONOMI ASAS

Kertas 1

Ogos 2011

1 ¼ jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan*
2. *Jawab **semua** soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

1. Apakah yang di kaji dalam ilmu ekonomi?

- A Masalah membuat pilihan faktor yang kekurangan bagi mencapai kepuasan optimum.
- B Masalah membuat pilihan atas penggunaan barang bagi mencapai kepuasan optimum.
- C Masalah membuat pilihan atas penggunaan perkhidmatan bagi mencapai kepuasan optimum.
- D Masalah menghasilkan keluaran secara optimum.

2. Syarikat Intan Rozita bercadang untuk mengeluarkan rempah udang istimewa yang menggunakan teknologi tinggi. Dia bercadang mengeluarkan 100 000 kampil rempah sehari. Apakah faktor lain yang perlu dipertimbangkan?

- A Apakah barang yang hendak dikeluarkan
- B Berapakah banyak barang yang dikeluarkan
- C Bagaimanakah barang dikeluarkan
- D Untuk siapakah barang dikeluarkan

3.

En Arif dikenali sebagai seorang jutawan di daerahnya. Namun demikian, beliau juga berhadapan dengan masalah kekurangan.

Berdasarkan ilmu ekonomi, apakah yang dapat anda rumuskan daripada pernyataan di atas?

- A. Masalah kekurangan berlaku kerana tidak bijak berbelanja.
- B. Masalah kekurangan berlaku akibat manusia terlalu memilih.
- C. Masalah kekurangan berlaku akibat kemahuan yang pelbagai diikuti dengan sumber ekonomi yang terhad.
- D. Masalah kekurangan wujud disebabkan manusia mementingkan tingkat kesejahteraan yang tinggi.

4. Berikut ialah matlamat sesuatu sistem ekonomi kecuali

- A memenuhi keperluan masyarakat.
- B memaksimumkan kepuasan pengguna.
- C mewujudkan keluaran yang berlebihan.
- D mengurangkan pengangguran faktor pengeluaran.

5. Antara berikut yang manakah dapat menyelesaikan masalah asas ekonomi dalam

sistem ekonomi campuran?

- I. Mekanisme harga.
- II. Keputusan kerajaan.
- III. Keputusan pengeluar.
- IV. Corak perbelanjaan penggunaan.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

Dalam sistem ekonomi bebas, pengguna adalah 'raja'.

6. Apakah maksud pernyataan tersebut.

- A Harga sesuatu barang ditetapkan oleh pengguna.
- B Pengguna mampu memuaskan semua kehendak mereka.
- C Pengguna berhak mendapatkan barang pada harga yang murah.
- D Keputusan pengguna akan menentukan jenis barang yang hendak dikeluarkan.

7. Encik Ahmad membuat kajian tentang pendapatan isi rumah di sebuah kampung. Hasil kajian tersebut adalah seperti di bawah.

Peratus	Pekerjaan
35%	Kakitangan kerajaan
25%	Mengusaha tanah sendiri
15%	Bekerja di kilang elektronik
10%	Berniaga
10%	Pesara
5%	Jurujual

Berdasarkan kajian Encik Ahmad, berapa peratuskah penduduk kampung itu bekerja dengan orang lain?

- A. 15%
- B. 55%
- C. 65%
- D. 5%

8. Antara berikut, yang manakah merupakan pendapatan individu daripada aktiviti ekonomi?

- A Faedah
- B Subsidi
- C Cukai Import
- D Bayaran Pindahan

9. Sebelum boleh dibelanjakan, pendapatan individu tertakluk kepada pelbagai potongan. Potongan itu ialah

- A cukai pendapatan, zakat dan Kumpulan wang Simpanan Pekerja
- B cukai pendapatan, subsidi dan Kumpulan wang Simpanan Pekerja
- C cukai pendapatan, sewa, zakat dan Kumpulan wang Simpanan Pekerja
- D cukai pendapatan, sewa, zakat, simpanan dan Kumpulan wang Simpanan Pekerja

10. Encik Rais Fauzan ialah seorang pegawai bank swasta. Gaji bulanannya ialah RM2 000. Beliau mempunyai 3 orang anak yang bersekolah dan isterinya tidak bekerja. Setiap bulan beliau mencarum sebanyak RM220 di dalam KWSP dan membayar RM120 untuk premium insurans nyawa.

Jadual Pelepasan Cukai:	
Diri sendiri	RM8 000
Isteri	RM5 000
Anak	RM1 000 seorang

Berdasarkan maklumat di atas, hitungkan pendapatan boleh cukai Encik Rais Fauzan.

- A RM 3 920
- B RM 5 360
- C RM 8 000
- D RM13 600

11. Jika P = Pendapatan individu
 Q = Potongan wajib
 R = Pendapatan boleh guna


$P = Q + R$

Antara berikut yang manakah **benar** menerangkan pasangan Q dan R ?

	Q	R
A	Membayar cukai pendapatan	Membeli makanan dan membayar sewa rumah
B	Potongan koperasi	Membayar premium insurans
C	Caruman tabung haji	Membayar bil elektrik dan telefon
D	Membeli peralatan sekolah	Membayar zakat

12. Utiliti isi rumah diperoleh daripada

- A kombinasi pelbagai barang
- B penggunaan sesuatu barang
- C tambahan penggunaan barang
- D purata penggunaan barang



Rajah 1

13. Keluk permintaan dalam Rajah 1 mempunyai kecerunan negatif dari kiri ke kanan
 . Mengapakah keluk permintaan berbentuk demikian ?

- I Pengguna bebas berbelanja
- II Pendapatan benar merosot
- III Pengguna berusaha meningkatkan kepuasan
- IV Pengguna membeli barang pengganti yang lebih murah.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- 14.

Harga P	Permintaan Q	Permintaan R
Naik	Turun	Naik

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1, apakah hubungan antara barang P dengan barang Q dan R ?

- A Barang Q dengan barang R adalah barang pengganti bagi barang P
- B Barang Q dan barang R adalah barang penggenap bagi barang P
- C Barang Q adalah barang pengganti dan barang R adalah barang penggenap bagi barang P
- D Barang Q adalah barang penggenap dan barang R adalah barang pengganti bagi barang P

Model kereta	Harga seunit (RM)	Kuantiti diminta pada bulan Januari 2009 (unit)	Kuantiti diminta pada bulan Jun 2009 (unit)
XX	44 000	9 000	12 000
YY	42 000	11 000	15 000

Jadual 2

15. Berdasarkan Jadual 2, pernyataan berikut adalah benar tentang faktor yang menyebabkan perubahan permintaan pada bulan Jun **kecuali**

- A Penurunan tambang pengangkutan awam
- B Syarikat kewangan melonggarkan syarat sewa beli
- C Kerajaan mengarahkan penurunan dalam kadar faedah
- D Kerajaan mengumumkan kenaikan gaji kakitangan awam

16.

Bulan	Kadar sewa bulanan (RM)	Jumlah pelanggan
Januari	60	10 000
Februari	50	75 000
Mac	55	20 000

Jadual 3

Jadual 3, menunjukkan kadar sewa bulanan dan bilangan pelanggan televisyen swasta.

Berdasarkan jadual diatas, kirakan keanjalan permintaan harga bagi perkhidmatan televisyen swasta apabila sewaan berubah dari bulan Februari ke bulan Mac.

- A 0.03
- B 0.14
- C 7.3
- D 30.3


17 . Antara berikut, yang manakah benar tentang pengeluaran?

- A. Pengeluaran melibatkan pengusaha dan buruh sahaja
- B. Aktiviti pengeluaran merupakan proses penciptaan utiliti
- C. Pengeluaran tidak melibatkan perubahan bentuk bahan mentah
- D. Aktiviti pengeluaran hanya berkaitan dengan pengeluaran barang sahaja

18. Firma ABC telah menggunakan 6 orang pekerja untuk menghasilkan 300 unit output. Apabila firma menggunakan 10 orang pekerja, output yang dihasilkan meningkat sebanyak 45%. Kirakan keluaran sut bagi firma tersebut pada tingkat output yang baru.

- A 22.5 unit
- B 33.75 unit
- C 43.5 unit
- D 72.5 unit

19.



Rajah 2

- Jika keluk penawaran firma X seperti dalam rajah 2, apakah yang boleh dilakukan oleh firma tersebut?
- A. Menetapkan harga sesuatu barang
 - B. Mempengaruhi harga sesuatu barang
 - C. Mengeluarkan barang dengan kuantiti yang kecil pada harga yang tinggi
 - D. Mengubah kuantiti barang yang ditawarkan berdasarkan perubahan harga
- 20 Kuantiti penawaran buah mangga pada harga RM2.00 adalah sebanyak 50 kilogram. Jika nilai keanjalan 2, berapakah kuantiti penawaran yang baru jika harga buah mangga meningkat sebanyak 25%?
- A. 75 kg
 - B. 100 kg
 - C. 250 kg
 - D. 450 kg

21. Sesuatu pasaran wujud jika syarat berikut dipenuhi?

- I Terdapat penjual dan pembeli
- II Terdapat barang untuk diurus niaga
- III Terdapat satu tingkat harga yang dipersetujui
- IV Terdapat unit ekonomi isi rumah, firma dan kerajaan


- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

22. Apakah kesan kepada pasaran kereta jika permintaan bertambah tetapi penawaran tetap?

- I Lebihan permintaan
- II Lebihan penawaran
- III Harga akan jatuh
- IV Harga akan naik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

23. Berdasarkan rajah 3 di bawah, tentukan aliran fizikal dan aliran wang.



Rajah 3

	Aliran Fizikal	Aliran Wang
A	1 dan 3	2 dan 4
B	1 dan 2	3 dan 4
C	2 dan 4	1 dan 3
D	3 dan 4	1 dan 2

24. Apakah kesan terhadap pasaran buruh di Malaysia apabila kerajaan menghantar balik pekerja asing Indonesia?

- I Upah buruh menurun
- II Penawaran buruh berkurang
- III Upah buruh meningkat
- IV Penawaran buruh meningkat

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

25. Mata wang dalam edaran terdiri daripada

- A Duit syiling dan wang kertas.
- B Duit syiling dan deposit semasa.
- C Wang kertas dan deposit semasa.
- D Duit syiling, wang kertas dan deposit semasa.

26. Maklumat yang berikut berkaitan dengan dua situasi yang berlainan.

SITUASI I	Encik Razak membeli sebuah motosikal yang berharga RM3 500 secara ansuran	SITUASI II	Buku simpanan Encik Mutusamy menunjukkan baki sebanyak RM2 000.
------------------	---	-------------------	---

Antara yang berikut, manakah yang benar tentang fungsi wang di atas?

	Situasi I	Situasi II
A	Alat ukuran nilai	Alat perantaraan pertukaran
B	Alat perantaraan pertukaran	Alat simpanan nilai
C	Alat bayaran tertunda	Alat perantaraan pertukaran
D	Alat bayaran tertunda	Alat simpanan nilai

27. Manakah yang **tidak** benar tentang overdraf?

- I pinjaman jangka panjang
- II faedah dikenakan ke atas pinjaman yang digunakan
- III pemberian kepada pemegang deposit semasa
- IV perkhidmatan yang disediakan oleh bank saudagar

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

28. Apakah fungsi institusi kewangan bukan bank kepada perkembangan ekonomi negara?

- A. Memberi overdraf
- B. Member pinjaman bersindiket
- C. Menjadi jurubank kepada kerajaan
- D. Menyediakan sumber dana dalam negara

29. **“Menjual barang pada harga lebih tinggi daripada harga belian”**

Kenyataan itu merujuk kepada

- A Qard Al Hassan
- B Murabahah
- C Mudharabah
- D Musyarakah

·	Jumlah penduduk	18255.7
·	Jumlah guna tenaga	6848.9
·	Jumlah penduduk di bawah 15 tahun	1545.4
·	Jumlah penduduk melebihi 64 tahun	984.2
		(unit '000 orang)

30. Berdasarkan maklumat dalam jadual di atas, hitungkan jumlah pengangguran.

- A 5 726 100
- B 1 406 800
- C 8 877 200
- D 6 848 900


31. Yang manakah antara berikut **bukan** faktor yang penting menyebabkan pertumbuhan guna tenaga di sektor perkilangan di Malaysia?

- A Dasar kerajaan mempelbagaikan ekonomi
- B Industri berorientasikan buruh
- C Perkembangan industri berasaskan bahan tempatan
- D Tekanan kemiskinan di luar bandar

32. Pasangan manakah antara yang berikut **tidak benar**?

A	Duti import	Cukai terhadap barangan import
B	Duti eksais	Cukai terhadap barangan buatan tempatan yang tertentu sahaja.
C	Cukai jualan	Cukai terhadap barangan yang dikeluarkan di Malaysia atau yang diimport.
D	Cukai perkhidmatan	Cukai terhadap barangan yang hendak dieksport.

33. Maklumat berikut berkaitan tindakan kerajaan dalam situasi ekonomi tertentu.



Langkah-langkah di atas akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah

- A kemelesetan
- B inflasi
- C kekurangan
- D kos lepas

34. Kerajaan ingin membina sebuah empangan yang dianggarkan berharga RM1 billion. Sumber pinjaman yang tidak ekonomik kepada negara masa kini.

- A Meminjam dari institusi kewangan tempatan melalui pinjaman sindiket
- B Menjual bil-bil perbendaharaan dan surat jaminan kerajaan
- C Meminjam dari badan kewangan antarabangsa melalui pinjaman projek
- D Mengeluarkan sijil pelaburan kepada institusi kewangan Islam tempatan

35. Antara berikut yang manakah dikategorikan sebagai eksport tidak nampak Malaysia?

- I Menjual gas asli cecair di Afrika Selatan
- II Penggunaan telefaks Telekom oleh warga Jepun
- III Pendapatan daripada pelaburan di Thailand
- IV Penggunaan kapal laut milik MISC (Malaysia) oleh Singapura

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

36. Jika imbangan pembayaran negara mengalami defisit, kerajaan akan menggunakan kaedah-kaedah berikut untuk mengimbangi defisit itu dengan cara

- I membeli mata wang asing
- II meminjam dari sumber tempatan
- III memberi pinjaman jangka pendek kepada pengimport
- IV mengeluarkan stok emas negara

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D II, III dan IV

37.

Negara X telah menjual barang kepada Negara Y pada harga yang lebih rendah daripada harga dalam negaranya.

Tindakan Negara X merujuk kepada

- A dasar perlindungan
- B dasar lambakan
- C dasar penggantian import
- D dasar penggantian eksport

38. Mengapakah Malaysia memerlukan pertukaran asing walaupun telah mempunyai mata wang sendiri?

- I Untuk mengukur tahap kestabilan ekonomi negara berbanding luar negara
- II Untuk membolehkan rakyat Malaysia melabur di luar Negara
- III Untuk mengimport barangan dari luar Negara
- IV Untuk membayar hutang luar negara

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

39. Pada bulan Januari 2007, kadar tukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan dolar Amerika ialah AS 1 = RM 2.500 tetapi pada 1 Mei 2007 kadar pertukaran berubah pada AS 1 = RM 2.470

Ini menunjukkan nilai mata wang Malaysia berbanding dollar Amerika

- A meningkat 1.2 %
- B menurun 1.2 %
- C meningkat 3.0%
- D menurun 3.0%

40. Anda dikehendaki memilih jawapan seperti di dalam jadual di bawah:

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- I Penurunan kadar pertukaran ringgit di pasaran wang antarabangsa akan mengurangkan eksport Malaysia.
- II Peningkatan kadar pertukaran ringgit di pasaran wang antarabangsa akan mengurangkan import Malaysia.

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN

1	A	21	A
2	D	22	B
3	C	23	C
4	C	24	B
5	A	25	A
6	D	26	D
7	B	27	D
8	A	28	D
9	A	29	B
10	A	30	C
11	A	31	A
12	B	32	D
13	D	33	A
14	D	34	A
15	A	35	C
16	C	36	B
17	B	37	B
18	B	38	D
19	D	39	A
20	A	40	C